

MESYUARAT MENTERI-MENTERI LUAR NEGERI DAN PEMBANGUNAN G7 BERSAMA TETAMU DARIPADA ASEAN 12 DISEMBER 2021, SECARA HIBRID

YB Dato' Saifuddin Abdullah, Menteri Luar Negeri telah mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Negeri dan Pembangunan G7. Bersama Tetamu daripada ASEAN, yang diadakan pada hari Ahad, 12 Disember 2021 dalam bentuk hibrid. YB Menteri Luar telah mengambil bahagian dalam mesyuarat ASEAN-G7, serta sesi-sesi tematik "Indo-Pasifik: Infrastruktur, Teknologi dan Keselamatan Bersama" dan "Vaksin dan Keselamatan Kesihatan Global".

Mesyuarat ASEAN-G7 adalah penglibatan pertama ASEAN dengan G7. Dalam pertemuan itu, para Menteri telah membincangkan pelbagai isu kepentingan bersama, antara lain perdagangan dan pelaburan, teknologi digital, keselamatan siber, pembangunan infrastruktur mampan, kesihatan awam dan keselamatan serantau. Mesyuarat ini juga mengesahkan sokongan untuk Kepusatan ASEAN dan ASEAN Outlook on the Indo-Pacific (AOIP).

Semasa mesyuarat ASEAN-G7, YB Menteri Luar menggalakkan kerjasama mengenai perubahan iklim antara ASEAN dan G7 untuk menyokong pelaksanaan Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Perubahan Iklim (United Nations Framework Convention on Climate Change) dan Perjanjian Paris selaras dengan prinsip ekuiti, dan 'kesaksamaan berlandaskan kepada prinsip 'tanggungjawab bersama, beban berbeza dengan keupayaan sendiri' (common but differentiated responsibilities and respective capabilities). Beliau juga menyatakan komitmen Malaysia terhadap kerjasama pelbagai hala dan kepentingan inisiatif-inisiatif yang akan meningkatkan lagi liberalisasi perdagangan melalui sistem perdagangan pelbagai hala yang berpusatkan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Dalam hal ini, YB Menteri Luar menyatakan bahawa Malaysia melihat kempen dan resolusi anti-minyak sawit sebagai merosakkan hubungan perdagangan dan bercanggah dengan prinsip perdagangan bebas. Beliau menekankan bahawa Malaysia telah mengekalkan 55.3% kawasan tanahnya di bawah litupan hutan rimba, yang melebihi komitmen Malaysia pada Sidang Kemuncak Bumi Rio 1992.

Semasa sesi tematik "Indo-Pasifik: Teknologi, Infrastruktur & Keselamatan Bersama", YB Menteri Luar mengulangi pendirian Malaysia mengenai situasi di Myanmar dan menzahirkan penghargaan atas sokongan ahli G7 terhadap usaha ASEAN berkaitan dengan Kemuafakatan Lima Perkara ASEAN. YB Menteri Luar menyeru kerjasama dalam pembinaan kapasiti untuk mencegah, memerangi dan membanteras kegiatan jenayah di laut. YB FM juga mengulangi pendirian Malaysia di Laut China Selatan dan menekankan kepentingan mengekalkan Laut China Selatan sebagai lautan perdagangan dan kemakmuran. Beliau juga menyeru

kerjasama ASEAN-G7 mengenai ekonomi digital sebagai pemacu utama bagi pemulihan pasca-pandemik yang berdaya tahan dan mampan. Dalam hubungan ini, beliau menekankan keperluan untuk memberi tumpuan kepada infrastruktur dan teknologi, bakat, kandungan dan kos.

Pada sesi tematik "Vaksin dan Keselamatan Kesihatan Global", Malaysia mengalu-alukan komitmen G7 untuk mempercepatkan bekalan vaksin khususnya untuk negaranegara miskin melalui COVAX. Malaysia juga menyambut baik inovasi untuk menghasilkan vaksin yang lebih berkesan terhadap jangkitan COVID-19 serta ancaman kesihatan masa depan serta memastikan vaksin diagihkan secara adil dan saksama kepada semua, termasuk melalui perkongsian dos, pengukuhan dan pembukaan rantaian bekalan, serta pengembangan kapasiti pengeluaran vaksin.

G7 terdiri daripada United Kingdom (Kerusi semasa G7), Kanada, Perancis, Jerman, Itali, Jepun dan Amerika Syarikat. Mesyuarat itu mengambil maklum bahawa semua ahli G7 kini telah menjadi Rakan Dialog atau Rakan Pembangunan ASEAN, berikutan penerimaan UK sebagai Rakan Dialog ASEAN pada awal tahun ini. Sehubungan itu, Malaysia mengalu-alukan kerjasama ASEAN yang saling memmanfaatkan dengan G7 dalam bidang berkepentingan bersama termasuk pemulihan pasca-pandemik yang berdaya tahan dan mampan serta menggalakkan keamanan, kestabilan, keselamatan dan kemakmuran di rantau ini.

PUTRAJAYA

12 Disember 2021